



**SANTHARA bersama komuniti Church Of Blessed Sacrament meninjau keadaan dewan rumah agama itu yang sedang dalam proses penambahbaikan.**

## Santhara lawat Rumah Ibadat di Labuan

**TIMBALAN** Menteri Wilayah Persekutuan **Dato' Seri Dr Santhara J.P** meluangkan masa mengunjungi beberapa Rumah Ibadat di sekitar Labuan, hari ini.

Antara Rumah Ibadat yang beliau kunjungi adalah Labuan Gurdwara Sahih dan *Church Of Blessed Sacrament*.

Beliau juga turut mengunjungi Thirumurugan Temple dan Temple Ba Xian Miao.

Dalam pada itu, beliau juga merupakan Pengerusi Mesyuarat Ja-

watankuasa Eksekutif Rumah Ibadat Bukan Islam Wilayah Persekutuan.

Pada lawatan itu, beliau turut beramah mesra dengan komuniti rumah-rumah agama dan meninjau keadaan fasiliti rumah agama tersebut.

Hadir sama, Timbalan Ketua Eksekutif (Pengurusan) Perbadanan Labuan, Fadzilah Mahmud.

Terdahulu, beliau juga turut melakukan lawatan di Industri Kecil Sederhana (IKS) Perusahaan Ikan Bilis Kampung Bebuloh Laut. **W K**